



PERTANDINGAN TARIK TALI PIALA YDP MP KEMAMAN



TEMPAT : PADANG ASTARA
TARIKH : 13-14 FEB 2026

*****TARIKH TUTUP PENYERTAAN 11 FEB 2026*****

*****TERBUKA KEPADA 16 PASUKAN SAHAJA*****

JOHAN = RM 1000

N. JOHAN = RM 700

KE 3 & 4 = RM 200

Sebarang pertanyaan sila hubungi :
Mohd Hanafiah bin Idris : 013-9556664

Made with PosterMyWall.com





PERTANDINGAN TARIK TALI PIALA YDP MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN SEMPENA PEMASYURAN KALI KE-24 TAHUN 2026

1. **TARIKH DAN MASA KEJOHANAN** : 13-14 Februari 2026
2. **TEMPAT** : Padang Astaka
Bandar Chukai,
Kemaman, Terengganu.
3. **PERATURAN PERTANDINGAN**
 - 3.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh '**Undang-undang Persatuan Tarik Tali Dunia (TWIF)**' , Peraturan Pertandingan Acara Tarik Tali Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dan Jawatankuasa Pertandingan Tarik Tali Piala YDP Majlis Perbandaran Kemaman 2026.
 - 3.2 Pertandingan adalah tertutup daerah Kemaman dan Jempunan (Hanya 16 Pasukan terawal sahaja yang telah membuat pengesahan pembayaran)
 - 3.3 Pertandingan ini dijalankan secara liga 4 kumpulan dan seterusnya peringkat kalah mati.
 - 3.4 Tarikan akan digunakan (4 meter).
 - 3.5 Sebelum tarikan pertama, penentuan tempat ialah dengan melambung syiling.
 - 3.6 Pemain gantian tidak dibenarkan semasa tarikan sedang berjalan.
 - 3.7 Jawatankuasa penganjur adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan dari masa ke semasa selaras dengan matlamat penganjuran yang berkaitan dengan pengelolaan dan pengurusan aktiviti sukan.
 - 3.8 Jawatankuasa pertandingan tidak bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan harta benda , kecederaan atau kemalangan yang mengambil bahagian sepanjang kejohanan ini diadakan.
4. **PENYERTAAN DAN KELAYAKAN PEMAIN**
 - 4.1 Setiap pasukan hanya dibenarkan untuk mendaftar satu (1) pasukan sahaja terdiri daripada :-
 - i) 1 orang pengurus,
 - ii) 1 orang jurulatih
 - iii) 1 orang fisio
 - iv) 12 Pemain (10 Penarik, 2 Simpanan)
-Jumlah berat keseluruhan Penarik $\leq 800\text{kg}$
 - 4.2 Pemain adalah warganegara Malaysia.
 - 4.3 Setiap pemain bagi jabatan kerajaan adalah merupakan kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan agensi kerajaan tersebut.
 - 4.4 Setiap peserta hendaklah mengemukakan **SALINAN KAD PENGENALAN** dan bagi peserta jabatan kerajaan pula perlu mengemukakan Bersama **PENYATA GAJI (Disember 2025 dan Januari 2026)**.
 - 4.6 Setiap pasukan perlu mendaftarkan pemain-pemain sebagaimana borang yang telah disertakan dan perlu dihantar sebelum atau pada **11 Februari 2026 (Rabu)** beserta bayaran yuran penyertaan **RM 100.00 (RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS SAHAJA)**.

Yuran penyertaan boleh dibayar terus menerusi pindahan akaun (*Instant Transfer*) ke akaun berikut :-

BANK : **AFFIN BANK BERHAD**
NO. AKAUN : **1051 1000 1564**
PENAMA AKAUN : **KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN**
REF 1 : **TEAM TARIK TALI (NAMA PASUKAN)**
REF 2 : **NO. TELEFON**
BAYARAN : **RM 100.00 (RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS SAHAJA)**

Borang pendaftaran dan resit bayaran perlu dihantar (*WhatsApp*) kepada nombor **013-9556664** (Hanafiah).

5. PAKAIAN

- 5.1 Pakaian (jersi) pasukan perlu disediakan oleh pasukan masing-masing.
- 5.2 Jersi yang akan digunakan mestilah berlainan dan perlu dipakai sepanjang kejohanan berlangsung.
- 5.3 Peralatan seperti tali pinggang dibenarkan kecuali kasut dan jaket.

6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Mata kemenangan adalah seperti berikut :

Menang 2-0	=	3Mata
Menang 2-1	=	2Mata
Kalah 1-2	=	1Mata
Kalah 0-2	=	0Mata

- 6.2 Pasukan yang mendapat mata terbanyak di dalam kumpulan akan dikira juara kumpulan.
- 6.3 Pasukan yang mendapat mata kedua terbanyak di dalam kumpulan akan dikira naib juara kumpulan.
- 6.4 Jika terdapat lebih daripada satu pasukan yang mendapat jumlah mata yang sama, maka pasukan yang memenangi perlawanan antara 2 pasukan tersebut dikira menang bagi menentukan kedudukan di dalam setiap kumpulan.

7. BANTAHAN

- 6.1 Bantahan boleh dilakukan oleh setiap pasukan dan perlu mengemukakan bukti serta wang cagaran **RM500.00** dan perlu membuat bantahan **15 minit** selepas perlawanan.
- 6.2 Proses menentukan hukuman bantahan tersebut akan ditentukan oleh Jawatankuasa kejohanan. Keputusan hukuman pada bantahan tersebut adalah **MUKTAMAD**.

Wang cagaran tersebut akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut dapat dibuktikan dan jika sebaliknya, wang cagaran tersebut dikira **"hangus"**.

8. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

Perkara-perkara yang tidak dinyatakan/diperuntukan di dalam syarat pertandingan ini akan diurus, boleh ditambah atau ditolak oleh Jawatankuasa Pertandingan dan semua keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD**.

Jika terdapat pertanyaan selanjutnya berkaitan penganjuran ini, tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai/ urusetia kejohanan di talian berikut :-

En. Mohd Hanafiah Bin Idris
013-9556664

9. Tentatif Kejohanan

Hari Jumaat (13 Feb 2026)

Pukul 8.00 – 10.00 Pg	- Pendaftaran Pasukan - Timbangan keseluruhan pemain - Taklimat
Pukul 10.30 Pg – 12.00Tghr	- Pertandingan secara liga Berkumpulan
Pukul 12.00 Tghr – 3.00 Ptg	- Rehat
Pukul 3.00Ptg – 6.00 Ptg	- Pertandingan secara liga Berkumpulan

Hari Sabtu (14 Feb 2026)

Pukul 8.00 - 10.30 Pg	- Pusingan suku akhir - Separuh akhir - Akhir
Pukul 11.00 Pg	- Majlis Penyampaian Hadiah



**KEJOHANAN TARIK TALI PIALA YDP MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
SEMPENA PEMASYURAN KALI KE-24 TAHUN 2026**

BORANG PENDAFTARAN PEMAIN

NAMA PASUKAN :

NAMA PENGURUS :

NAMA JURULATIH :

NAMA FISIO :

BIL	NAMA PEMAIN	NO. KAD PENGENALAN	BERAT (KG)
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
11			
12			

.....
(Tandatangan Pengurus)



**KEJOHANAN TARIK TALI PIALA YDP MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
SEMPENA PEMASYURAN KALI KE-24 TAHUN 2026**

BORANG BANTAHAN

NAMA PASUKAN : _____

NAMA PENGURUS : _____

NO. TELEFON : _____

TARIKH : _____

MASA : _____

SEBAB BANTAHAN : _____

Bersama-sama ini disertakan '**BUKTI**' dan wang cagaran bantahan sebanyak **RM 500.00 (RINGGIT MALAYSIA TIGA RATUS RINGGIT SAHAJA)** kepada pihak penganjur sebagai syarat bantahan.

Wang cagaran tersebut akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut dapat dibuktikan dan jika sebaliknya, wang cagaran tersebut dikira "**hangus**".

Yang benar,

(_____)
Pengurus Pasukan